

MEDIA STATEMENT

IDEAS' report on breast cancer care urges the government to address gaps in detection, diagnosis and treatment to urgently save lives

Kuala Lumpur, 10 February 2023 - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) Malaysia, supported by Novartis Corp (M) Sdn Bhd, launched a policy report titled "Breast Cancer Care in Malaysia: Access to Early Detection, Diagnosis and Optimal Treatment" on the 10th of February 2023. "The National Strategic Plan for Cancer Control Program (NSP-CCP) 2021-2025 aimed to downstage breast cancer at the time of diagnosis by 25%," says YB Lukanisman Awang Sauni, Deputy Ministry of the Ministry of Health Malaysia. Through this report, IDEAS calls for priority to be given to improving survival outcomes for breast cancer by increasing resource and budgetary allocation to address talent and facility shortages as well as by promoting public-private partnerships.

Breast cancer is one of the most prevalent cancers in Malaysia. "In line with Sustainable Development Goal 3, to reduce by one-third of premature mortality for non-communicable disease through prevention and treatment by 2030, public health efforts have been focused on improving the early detection of breast cancer as a practice in the NSP-CCP 2021-2025," YB Lukanisman adds. "Despite this, late-stage presentation and relatively poor survival rates of breast cancer remain significant public health issues." Malaysia lags behind most developed nations in terms of survival outcomes of breast cancer, recording a 5-year relative survival rate of 67% when compared with other developed nations that range from 80% to 90%. This highlights that there are significant gaps in breast cancer management in Malaysia. In this report, the authors evaluated the gaps in breast cancer care throughout the patient pathway, from access to early detection, timely diagnosis and optimal treatment.

In terms of early detection, this policy report highlights that public health efforts to promote breast health screening nationwide have not translated to improved early detection of breast cancer. To date, there is low mammogram uptake, particularly in the East Coast Peninsular states such as Terengganu and Kelantan due to the lack of mammogram facilities and infrastructure, which in turn incur higher out-of-pocket expenditure to access screening services. "In addition, there is also a need to address the cultural barriers to mammography screening, to improve monitoring and evaluation of screening programmes as well as to increase breast cancer awareness to effectively promote early detection nationwide," says Dr Juita Mohamad, Director of Research of IDEAS Malaysia.

It is important to highlight that screening does not end at early recognition of mammographic abnormalities, a prompt diagnostic follow-up is crucial. However, diagnostic follow-up is often hindered by disconnected referral processes from private or non-governmental organisation (NGO) facilities to public health facilities, leading to delayed diagnosis. The lack of awareness of lump and non-lump symptoms among primary healthcare workers and patients may also contribute to diagnostic follow-up delays. This highlights the need to streamline referral processes between public and private healthcare systems as well as to implement comprehensive breast health education for primary healthcare workers.

This report also highlighted that access to best practice options for breast cancer surgery is limited by the lack of specialist surgical expertise and the limited availability of radiotherapy treatment within public health facilities nationwide. Delays in surgical treatment may also be due to patients opting for alternative treatments as a result of cultural influences. Furthermore, the shortage of oncology specialists within public health facilities also hindered access to radiotherapy and chemotherapy. In addition, this report highlights the potential of Patient Access Schemes to address financial barriers to targeted biological therapy due to its high acquisition costs.

Improving survival outcomes of breast cancer as well as non-communicable diseases as a whole should be our public health priority. The way forward is to adopt a holistic approach to reduce delays throughout the patient pathway, and this can be done through public-private partnerships. “We need to start by setting up a National Breast Cancer Committee to systematically address these gaps and to foster collaborative efforts among the Ministry of Health, Ministry of Women, Family and Community Development, private sector and NGOs,” says Dr Tricia Yeoh, Chief Executive Officer of IDEAS Malaysia. “We also need a collaborative database that maps out existing resources provided by these stakeholders throughout the patient pathway as well as the pathways to accessing these services.”

IDEAS Policy Paper No. 76, “Breast Cancer Care in Malaysia: Access to Early Detection, Diagnosis and Optimal Treatment” can be downloaded from IDEAS website at the link, <https://www.ideas.org.my/publications-item/policy-paper-no-76-breast-cancer-care-in-malaysia-access-to-early-detection-diagnosis-and-optimal-treatment/>

--- END ---

For enquiries, please contact:

Kirjane Ngu
Senior Research Executive, Social Policy Unit
kirjane@ideas.org.my

Louis Denis
Manager, External Relations
louis@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia’s first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

KENYATAAN MEDIA

Laporan IDEAS mengenai penjagaan kanser payudara gesa kerajaan untuk tangani jurang dalam pengesanan, diagnosis dan rawatan untuk selamatkan nyawa dengan segera

Kuala Lumpur, 10 Februari 2023 - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) Malaysia, dengan sokongan Novartis Corp (M) Sdn Bhd, telah melancarkan satu laporan dasar bertajuk "*Breast Cancer Care in Malaysia: Access to Early Detection, Diagnosis and Optimal Treatment*" pada 10 Februari 2023. "Pelan Tindakan Strategik Kebangsaan bagi Program Kawalan Kanser (NSP-CCP) 2021-2025 mempunyai matlamat untuk mengurangkan kanser payudara pada masa diagnosis sebanyak 25%," kata YB Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia. Menerusi laporan ini, IDEAS menyeru agar keutamaan diberikan kepada meningkatkan kelangsungan hidup untuk kanser payudara dengan meningkatkan peruntukan sumber dan belanjawan untuk menangani kekurangan doktor dan kemudahan serta dengan mempromosikan perkongsian awam-swasta.

Kanser payudara adalah salah satu kanser yang paling lazim di Malaysia. "Selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan 3, untuk mengurangkan sebanyak satu pertiga daripada kematian pramatang bagi penyakit tidak berjangkit melalui pencegahan dan rawatan menjelang tahun 2030, usaha kesihatan awam telah ditumpukan untuk meningkatkan pengesanan awal kanser payudara sebagai amalan dalam NSP-CCP 2021-2025," tambah YB Lukanisman. "Walaupun begitu, mendapatkan rawatan pada peringkat akhir dan kadar kelangsungan hidup yang agak lemah bagi kanser payudara kekal sebagai isu kesihatan awam yang penting." Malaysia ketinggalan di belakang kebanyakan negara maju dari segi kelangsungan hidup kanser payudara, mencatatkan kadar kelangsungan hidup relatif 5 tahun sebanyak 67% jika dibandingkan dengan negara maju lain yang berkisar antara 80% hingga 90%. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat jurang yang ketara dalam pengurusan kanser payudara di Malaysia. Dalam laporan ini, penulis menilai jurang dalam penjagaan kanser payudara di seluruh laluan penjagaan pesakit, daripada akses kepada pengesanan awal, diagnosis tepat pada masanya dan rawatan optimum.

Dari segi pengesanan awal, laporan dasar ini menekankan bahawa usaha kesihatan awam untuk mempromosikan pemeriksaan kesihatan payudara di seluruh negara tidak menghasilkan pengesanan awal kanser payudara yang lebih baik. Sehingga kini, jumlah pesakit yang mendapatkan pemeriksaan mamogram masih rendah, khususnya di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung seperti Terengganu dan Kelantan berikutan kekurangan kemudahan dan infrastruktur mamogram, yang seterusnya menyebabkan perbelanjaan luar yang lebih tinggi untuk mengakses perkhidmatan saringan. "Selain itu, terdapat juga keperluan untuk menangani halangan budaya untuk pemeriksaan mamografi, untuk meningkatkan pemantauan dan penilaian program saringan serta meningkatkan kesedaran kanser payudara untuk menggalakkan pengesanan awal secara berkesan di seluruh negara," kata Dr Juita Mohamad, Pengarah Penyelidikan IDEAS Malaysia.

Penting untuk ditekankan bahawa saringan tidak berakhir pada pengecaman awal keabnormalan mamografi, diagnostik susulan segera adalah penting. Walau bagaimanapun, diagnostik susulan sering terhalang oleh proses rujukan yang terputus dari kemudahan swasta atau badan bukan kerajaan (NGO) ke kemudahan kesihatan awam, yang membawa kepada penangguhan diagnosis. Kurangnya kesedaran tentang gejala ketulan dan bukan ketulan dalam kalangan pekerja penjagaan kesihatan primer dan pesakit juga boleh menyumbang kepada kelewatan diagnostik susulan. Hal ini menyerlahkan keperluan untuk menyelaraskan proses rujukan antara sistem penjagaan kesihatan awam dan swasta serta melaksanakan pendidikan kesihatan payudara yang komprehensif untuk pekerja penjagaan kesihatan primer.

Laporan ini juga menekankan bahawa akses kepada pilihan amalan terbaik untuk pembedahan kanser payudara dihadkan oleh kekurangan kepakaran pakar bedah dan ketersediaan rawatan radioterapi yang terhad dalam kemudahan kesihatan awam di seluruh negara. Kelewatan dalam rawatan pembedahan juga mungkin disebabkan oleh pesakit memilih rawatan alternatif akibat pengaruh budaya. Tambahan pula, kekurangan pakar onkologi dalam kemudahan kesihatan awam juga menghalang akses kepada radioterapi dan kemoterapi. Di samping itu, laporan ini menggariskan potensi Skim Akses Pesakit (PAsC) untuk menangani halangan kewangan kepada terapi biologi bersasar kerana kos pemerolehannya yang tinggi.

Meningkatkan kelangsungan hidup kanser payudara serta penyakit tidak berjangkit secara keseluruhan harus menjadi keutamaan kesihatan awam kita. Langkah ke hadapan adalah dengan menggunakan pendekatan holistik untuk mengurangkan kelewatan sepanjang laluan rawatan pesakit, dan hal ini boleh dilakukan melalui perkongsian awam-swasta. "Kita perlu bermula dengan menubuhkan Jawatankuasa Kanser Payudara Kebangsaan untuk menangani jurang ini secara sistematik dan untuk memupuk kerjasama dalam kalangan Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sektor swasta dan NGO," kata Dr Tricia Yeoh, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS Malaysia. "Kita juga memerlukan pangkalan data kolaboratif yang memetakan sumber sedia ada yang disediakan oleh pihak berkepentingan ini di seluruh laluan rawatan pesakit serta laluan untuk mengakses perkhidmatan ini."

Kertas Laporan Dasar IDEAS No. 76, "*Breast Cancer Care in Malaysia: Access to Early Detection, Diagnosis and Optimal Treatment*" boleh dimuat turun di laman sesawang IDEAS melalui pautan, <https://www.ideas.org.my/publications-item/policy-paper-no-76-breast-cancer-care-in-malaysia-access-to-early-detection-diagnosis-and-optimal-treatment/>

--- TAMAT ---

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Kirjane Ngu
Eksekutif Kanan Penyelidikan, Unit Dasar Sosial
kirjane@ideas.org.my

Louis Denis
Pengurus Perhubungan Luar
louis@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.